

Jumaat, 18 Jun 2021, 3:38pm

Tambahan 7 hektar untuk suku Bateq Benchah Kelubi

[Asrol Awang](#) - Jun 17, 2021 @ 1:26pm

bhnews@bh.com.my



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

KUANTAN: Kerajaan negeri meluluskan tambahan rizab penempatan seluas 7.014 hektar bagi masyarakat Orang Asli suku Bateq Benchah Kelubi, Kampung Teluk Gunung, Mukim Batu Yon, Lipis.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata kelulusan itu hasil mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang, semalam.

Katanya, kelulusan dibuat mengikut Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) bertujuan untuk penempatan Orang Asli Suku Bateq yang sudah lama menetap di kawasan itu.

"Ia juga susulan permohonan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Lipis.

"Kawasan yang dipohon adalah peluasan kawasan penempatan 163 Orang Asli Benchah Kelubi seluas dua hektar yang sudah didirikan 20 buah rumah dengan bantuan kerajaan serta turut diusahakan tanaman dusun dan getah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, langkah itu dijangka dapat mencegah penerokaan secara haram oleh pihak luar ke kawasan penempatan Orang Asli suku Bateq itu.

Katanya, perizaban itu sebagai mengiktiraf hak serta memelihara dan melindungi tanah-tanah Orang Asli suku berkenaan yang menduduki kawasan itu secara tetap selama ini.

"Saya berharap keputusan kerajaan negeri ini akan mendatangkan kelegaan dalam kalangan Orang Asli suku Bateq Benchah Kelubi.

"Semoga mereka dapat meneruskan kehidupan harian dengan selesa dan sejahtera," katanya.